

U B593 BAH
MAHATHIR - PAS R R R

BACHOK, 31 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PAS TELAH MELAKUKAN KETIDAKADILAN YANG TIDAK DAPAT DITERIMA OLEH ORANG ISLAM DENGAN MENUDUH TANPA USUL PERIKSA KONONNYA ORANG-ORANG UMNO KAFIR.

PERDANA MENTERI BERKATA, TUDUHAN ITU TERNYATA BERCANGGAH DENGAN TUNTUTAN ISLAM YANG MEWAJIBKAN SETIAP ORANG ISLAM YANG HENDAK DICAP KAFIR ITU MESTI DISIASAT DENGAN MENDALAM MENGENAI DIRINYA DARIPADA PELBAGAI SEGI TERLEBIH DULU.

INILAH CARA YANG DILAKUKAN OLEH KERAJAAN TERHADAP PARA PENGIKUT AJARAN GADIANI, KATA BELIAU.

BERUCAP MERASMIKAN PEJABAT UMNO BAHAGIAN BACHOK DI JELAWAT DEKAT SINI PETANG INI, BELIAU BERTANYA SAMA ADA HAJI HADI AWANG, NAIB YANG DIPERTUA AGUNG PAS TELAH MENYIASAT DENGAN TELITI ORANG-ORANG UMNO YANG BELIAU TUDUH KAFIR.

SOALAN ITU DIJAWAB DENGAN TERIAKAN +TIDAK+ SECARA SERENTAK OLEH BERATUS-RATUS DARIPADA LEBIH 3,000 ORANG YANG HADIR PADA MAJLIS ITU.

BELIAU BERTANYA PAS DI MANAKAH LETAKNYA KEBENARAN LAUNGAN PARTI ITU DALAM MANIFESTONYA KONONNYA HENDAK MEMPERJUANGKAN KEADILAN APABILA PAS TERNYATA TELAH BERSIKAP TIDAK ADIL DENGAN MENUDUH ORANG UMNO KAFIR TANPA USUL PERIKSA. -- LAGI.

2147MST 31 07 86

U B597 BAH
MAHATHIR - PAS 2 BACHOK

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERTANYA PAS DI MANAKAH LETAKNYA KEBENARAN LAUNGAN PARTI ITU KONONNYA HENDAK MEMPERJUANGKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT APABILA TINDAK-TANDUK PARTI ITU SENDIRI TELAH MENYEBABKAN TERCETUSNYA PERISTIWA MEMALI YANG MENGORBANKAN NYAWA BEBERAPA ORANG UMAT ISLAM.

BELIAU JUGA BERTANYA SAMA ADA RAKYAT YANG TERPAKSA MENDERMA AKAN SEJAHTERA DAN TINDAKAN PAS MENGUTIP WANG DARIPADA ORANG MISKIN KONONNYA UNTUK TABUNG JIHAD ITU ADIL SEDANGKAN TIDAK NAMPAK APA YANG DIJIHADKAN OLEH PAS.

PERDANA MENTERI JUGA BERTANYA DI MANA LETAKNYA AIR MUKA PAS KERANA SANGGUP MELUTUT KEPADA DAP DAN TIDAK MENCATATKAN DALAM MANIFESTONYA MENGENAI PEMBENTUKAN SEBUAH NEGARA ISLAM SEMATA-MATA UNTUK BERBAIK-BAIK DENGAN DAP.

BEBERAPA ORANG YANG HADIR KETIKA DITEMUI BERKATA SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PERDANA MENTERI ITU TELAH MEMBUKA MATA MEREKA KEPADA HASRAT SEBENAR PEJUANGAN PAS YANG MEREKA AKUI JAUH TERPESONG DARIPADA MATLAMAT PENUBUHAN PARTI ITU.

RATA-RATA MEREKA BERPENDAPAT PAS SEKARANG SANGGUP MEMPERJUANGKAN APA SAJA ISU UNTUK MENGELIRUKAN DAN MEMANCING UNDI RAKYAT SEMATA-MATA UNTUK MENDAPATKAN KUASA PEMERINTAHAN TANPA MENGIRA AKIBAT BURUK TERHADAP BANGSA MELAYU DAN UMAT ISLAM.

MEREKA JUGA KECEWA DENGAN SIKAP BERMUKA-MUKA PARA PEMIMPIN PAS SEKARANG YANG BERCAKAP LAIN KEPADA ORANG-ORANG MELAYU DI PANTAI TIMUR DAN LAIN PULA KEPADA ORANG BUKAN MELAYU DI PANTAI BARAT. -- BERNAMA.

2154MST 31 07 86